

# Tokio Marine PremierUltra PA

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memohon untuk insurans Tokio Marine PremierUltra PA. Sila pastikan anda turut membaca terma dan syarat-syarat am polisi ini.



**TOKIO MARINE**  
INSURANCE GROUP

## NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini akan memberi pampasan kepada anda untuk kecederaan anggota yang disebabkan secara tidak sengaja yang mana kecederaan semata-mata dan bebas daripada sebarang sebab lain mengakibatkan hilang upaya anda atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau pembedahan atau sekiranya berlaku kematian, kepada benefisiari yang dinamakan atau wakil diri yang sah. Produk ini juga akan melindungi anda daripada liabiliti di sisi undang-undang untuk kecederaan anggota pihak ketiga atau kerosakan harta benda di bawah Seksyen II - Liabiliti Diri.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

#### Seksyen I - Kemalangan Diri

Seksyen ini menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia termasuk kematian akibat kemalangan atau kecederaan anggota akibat atau disebabkan oleh:

- Mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- Bermotosikal sebagai penunggang atau pembonceng (kecuali ketika terlibat dalam perlumbaan, penetapan masa, pertandingan kelajuan, ujian kebolehppercayaan), dengan syarat duluan liabiliti bahawa anda memiliki lesen yang sah melainkan anda adalah pembonceng pada waktu kemalangan
- Lemas atau sesak nafas akibat kemalangan
- Gigitan serangga, gigitan ular dan gigitan haiwan yang berbahaya, tapi tidak termasuk penyakit yang disebarkan oleh serangga tersebut
- Rampasan sama ada pesawat, kapal atau sebarang pengangkutan awam
- Kehilangan dan pendedahan kepada elemen
- Pembunuhan atau serangan tanpa provokasi
- Kebakaran, bencana alam seperti gempa bumi, ribut angin, banjir, taufan, kilat
- Perjalanan melalui udara sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang dalam penerbangan berjadual atau tidak berjadual
- Aktiviti sukan amatir (kecuali yang dinyatakan di bawah Pengecualian polisi)
- Keracunan makanan dan/atau minuman

#### Seksyen II - Liabiliti Diri

Seksyen ini akan melindungi anda terhadap semua jumlah yang anda perlu bayar dari segi undang-undang untuk:

- a) kecederaan anggota akibat kemalangan termasuk kematian terhadap mana-mana pihak ketiga dan/atau
- b) kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan pada harta pihak ketiga

yang berlaku di Malaysia atau mana-mana tempat lain di dunia yang dibenarkan untuk dilawati oleh Kerajaan Malaysia untuk lawatan sementara semasa tempoh insurans

#### Perlindungan

- |  |   |  |
|--|---|--|
| 1. (a) Kematian Akibat Kemalangan<br>(b) Hilang Upaya Kekal  | 8. Pelindung Pinjaman   | 14. Elaun Perjalanan                               |
| 2. Bonus Pembaharuan   | 9. Perbelanjaan Perubatan termasuk perubatan untuk Demam Denggi, Zika, Malaria, JE, SARS, Influenza Unggas atau "Selesema Burung/Khinzir" & Novel Koronavirus | 15. Transfusi Darah                                |
| 3. Ganti Rugi Berganda   | 10. Elaun Tunai Harian Hospital   | 16. Anggota Palsu/Kerusi Rodair                    |
| 4. Koma  | 11. Penjagaan Kejururawatan Mingguan  | 17. Kecurian Ragut atau Rompakan                   |
| 5. Perbelanjaan Pengebumian  | 12. Pembedahan Pembaikan Pergigian dan Pembaikan Kosmetik   | 18. Penculikan                                     |
| 6. Elaun Perkabungan (kematian akibat Demam Denggi, Zika, Malaria, JE, SARS, Influenza Unggas atau "Selesema Burung/Khinzir" & Novel Koronavirus | 13. Yuran Ambulans  | 19. Hilang Upaya Kekal terhadap Genitalia          |
| 7. Perbelanjaan Repatriasi   |   | 20. Keguguran akibat kemalangan kenderaan bermotor |
|  |   | 21. Liabiliti Peribadi                             |
|  |   | 22. Manfaat Mingguan (Perlindungan Tambahan)       |

Nota: Sila rujuk carta manfaat untuk kematian dan hilang upaya dalam kontrak polisi. Tempoh Perlindungan ialah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar bergantung pada pelan yang anda pilih. Namun, ia mungkin berbeza bergantung pada keperluan taja jamin kami.

Jenis Pelan :  Individu  Keluarga \* Dengan / Tanpa Manfaat Mingguan : RM \_\_\_\_\_  
 Pelan : \_\_\_\_\_ Premium yang perlu anda bayar ialah : RM \_\_\_\_\_  
 Kelas Pekerjaan : \_\_\_\_\_ \* padam yang mana tidak berkenaan

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti Setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang patut saya ketahui?

### Had & Kelayakan Usia

- a) Pelan Individu - (i) Kanak-kanak : daripada tiga puluh (30) hari sehingga lapan belas (18) tahun atau sehingga dua puluh tiga (23) tahun yang belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi diiktiraf adalah layak untuk Pelan sehingga RM150,000 tanpa manfaat mingguan.
- (ii) Dewasa : daripada usia lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun dan sehingga lapan puluh (80) tahun untuk pembaharuan. Dewasa berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas yang ditanggung oleh ibu bapa dan yang menganggur layak mendapat Pelan tanpa manfaat mingguan.
- b) Pelan Keluarga - Dewasa daripada lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun dan sehingga lapan puluh (80) tahun untuk pembaharuan dan mana-mana bilangan kanak-kanak berusia antara tiga puluh (30) hari dan di bawah usia lapan belas (18) tahun atau sehingga dua puluh tiga (23) tahun yang belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi diiktiraf.

### Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon untuk Insurans ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata ketika menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan Lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau pembatalan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Selain menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau ketika anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang diketahui mempunyai kaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta sekiranya sebarang maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui dengan kami.

### Ganti rugi / Pampasan

- Kami akan membayar pampasan untuk kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) mengikut "Jadual Pampasan Hilang Upaya Kekal" yang dilampirkan pada polisi. Walau bagaimanapun untuk tuntutan seperti perbelanjaan perubatan, anda diberi pampasan atas dasar pembayaran balik mengikut jumlah sebenar yang ditanggung tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam polisi. Anda tidak boleh membuat berbilang tuntutan untuk perbelanjaan perubatan.

### Tunai Sebelum Perlindungan (Digunapakai untuk Pencadang Individu sahaja)

- It is fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by us before cover commences. If this condition is not complied with then this insurance Policy is automatically null and void.

### Jaminan Premium (Digunapakai untuk Pencadang Korporat sahaja)

- Melalui waranti ini, Polisi insurans dibatalkan secara automatik melainkan premium penuh dibayar kepada kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

### Section I

- Risiko perang dan perikatan
- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaannya
- Penyakit dan jangkitan melainkan penyakit yang dinamakan secara khusus di bawah Perbelanjaan Perubatan, Pemindahan Darah & Elaun Perkabungan akan dilindungi dalam keadaan tertentu
- Kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi

### Seksyen II

- Liabiliti ditanggung di bawah kontrak dan/atau perjanjian
- Tuntutan yang dibuat oleh pekerja anda untuk kemalangan yang timbul sewaktu pekerjaan
- Tuntutan terhadap anda oleh ahli keluarga anda
- Liabiliti berkenaan dengan kerosakan harta yang dipegang di bawah seliaan, kawalan atau jagaan anda
- Tirisan, pencemaran atau kontaminasi

daripadanya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kemalangan.

- Menaiki penerbangan sebagai juruterbang atau kru dalam mana-mana pesawat
- Sebarang aktiviti sukan profesional
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada
- Aktiviti sukan berbahaya
- Kemalangan radioaktif dan bahan senjata nuklear

- Liabiliti yang timbul daripada pekerjaan, perdagangan, profesion atau perniagaan anda
- Denda, penalti, ganti rugi punitif atau ganti rugi teladan
- Kemalangan radioaktif dan bahan senjata nuklear
- Risiko perang dan perikatan
- Sebarang jenis kerugian turutan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami untuk tempoh polisi yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada penyimpanan premium minimum oleh kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika terdapat tuntutan terhadap polisi ini.

## 8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan terhadap maklumat hubungan saya?

Penting untuk anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan terhadap maklumat hubungan anda untuk memastikan semua anda menerima semua komunikasi pada masanya. Anda boleh memberikan butiran terkini anda melalui ejen sah kami, pejabat cawangan atau khidmat pelanggan kami.

## 9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Kemalangan Diri kami yang lain, sila rujuk buku insuranceinfo mengenai 'Insurans Kemalangan Diri' yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada pengantara insurans anda atau kunjungi laman web kami di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai Insurans Premier PA Partner kami atau produk insurans Kemalangan Diri yang lain, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau pengantara insurans anda atau kunjungi laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## 10. Perlindungan Kemalangan Diri serupa yang turut ditawarkan

- Insurans Individual PA Partner

### NOTA PENTING

Anda dinasihatkan untuk mengambil perhatian tentang skala manfaat kematian dan hilang upaya dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan penama dan memastikan penama anda mengetahui tentang polisi kemasalahan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau menghubungi kami terus untuk mendapatkan maklumat lanjut. Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024